

Wanita jadi malim gunung kerana minat aktiviti mendaki

Status ibu kepada empat cahaya mata, kerjaya setiausaha bukan penghalang

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI
SEREMBAN

Berstatus ibu kepada empat cahaya mata dan kerjaya tetap sebagai setiausaha di sebuah

syarikat swasta tidak menghalang Hazlinda Isa, 47, untuk menjadi seorang malim gunung.

Ini kerana, jiwanya gemarkan aktiviti mendaki sejak berusia 17 tahun yang juga merupakan hobi keluarganya.

Menurutnya, boleh dikatakan setiap bulan, tiga atau empat gunung didakinya sama ada secara bersendirian atau membawa kumpulan pendaki.

"Apabila Jabatan Perhutanan buka peluang untuk jadi malim gunung pada tahun 2019, saya tawarkan diri kerana ia sememangnya hobi saya dan pada masa sama, saya juga mem-

punyai syarikat mengendalikan aktiviti kumpulan pendaki.

"Ia juga ruang untuk saya menambahkan ilmu dalam aktiviti pendakian, selain bertukar pendapat dengan malim gunung yang lain," katanya kepada *Sinar Harian* pada Jumaat.

Hazlinda tidak menafikan ada sesetengah pendaki yang kurang yakin dengan kemampuan malim gunung wanita, namun persepsi itu dianggap biasa.

Katanya, bukan semua orang mampu menjadi malim gunung kerana ia memerlukan stamina tinggi dan mengetahui selok-belok gunung yang didaki.

"Kita nak bawa orang mendaki, jadi kita perlu ada ilmu. Saya juga biasanya akan buat latihan dengan kumpulan pendaki yang saya akan bawa sebagai persediaan untuk mendaki gunung yang tinggi.

"Paling penting, setiap pendaki perlu tahu kemampuan dari segi mental dan fizikal, sebelum memulakan pendakian ada buat kajian sedikit tentang gunung yang mahu didaki," katanya.

Bagaimanapun, ujarnya, kebanyakan gunung di Negeri Sembilan tidak memerlukan untuk pendaki bermalam di lokasi melainkan jika ada permintaan daripada pendaki.

Pada masa sama, kata Hazlinda, dia turut menawarkan diri sebagai porter atau pengangkut barangan peribadi pelanggan.



Hazlinda (belakang, tiga dari kiri) membawa pendaki yang menggunakan khidmat syarikatnya mendaki Gunung Kinabalu.

Katanya, barang paling berat dibawanya ialah beg seberat 20 kilogram.

"Kalau ada yang tak mampu pikul barang, malim boleh bantu tapi kalau setakat gunung di Negeri Sembilan, tidak memerlukan khidmat porter kerana pendakian yang singkat.

"Sebelum menerima pelanggan, saya terlebih dahulu akan cuba kenal mereka dan akan hadkan maksimum 15 orang, itu pun dengan bantuan suami atau pasukan saya," katanya.

Selain itu, jelas Hazlinda, dia bertuah kerana mempunyai minat sama dengan suami yang kini menguruskan sepenuhnya syarikat Trekzo Resources.

"Syarikat kami menawarkan khidmat menguruskan aktiviti rekreasi luar.

"Tak sangka bermula dengan hobi mendaki, ia kini jadi sumber pendapatan buat kami.

"Disebabkan saya bekerja, suami yang akan uruskan semuanya. Saya hanya akan turut serta pada waktu cuti," kata Hazlinda.



Kenangan manis Hazlinda dan suami di Everest Base Camp, Nepal pada 2017.